


getir perlu diharunginya, namun

lum menjelmakan perak dalam

gahan 30-an ini, proses pemuli-

tanya.



Abdul Wafiy memenangi acara 400m Kejohanan Olahraga IPT 2022 di Bukit Jalil, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah / BH)

## Wafiy cemerlang raih emas berganda

**Kuala Lumpur:** Dua pingat emas diraih atlet Universiti Malaya (UM), Abdul Wafiy Roslan pada Kejohanan Olahraga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2022 (Grand Final) di sini, menunjukkan satu perkembangan positif buat dirinya selepas hampir setahun berehat panjang.

Abdul Wafiy berjaya menggandakan kutipan emas peribadi dalam acara 400 meter (m) lelaki pada saingan di Stadium Mini Majlis Sukan Negara (MSN) semalam selepas turut meraih kilauan sama dalam acara 200m sehari sebelumnya.

Dalam acara 400m, dia mencatat masa 48.42 saat (s) untuk sekali gus memadam rekod kejohanan 48.67s



yang sebelum ini menjadi milik Muhammad Ilham Suhaimi dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Kalau diikutkan saya tak meletakkan sasaran untuk meraih emas dalam acara ini kerana persiapan hanya dibuat beberapa minggu sebelum kejohanan," katanya yang sebelum ini berehat panjang

selepas melakukan pembedahan tumit.

"Perlumbaan ini juga sengit kerana pada akhirnya kemenangan terpaksa ditentukan menerusi 'photo finish'. Jadi saya bersyukur kerana berjaya meraih emas dalam acara ini dan 200m semalam.

"Sebelum ini, saya berehat

panjang dan tak turun menjalani latihan selama setahun selepas melakukan pembedahan tumit. Selepas itu, saya kembali menjalani latihan untuk persediaan SUKMA. Namun selepas temasya, saya pula mengalami kecederaan hamstring.

"Sudah tentunya, saya mengharapkan kejayaan ini akan dapat meningkatkan semangat saya untuk memburu slot secara automatik ke Sukan SEA Kemboja tahun depan," katanya.

Pingat perak acara 400m diraih atlet UPM, Luqmanul Hakim Khairul Akmal dengan catatan 48.45s manakala gangsa diraih rakam seperjuangannya, Muhammad Firdaus Mohamad Zemi, (48.56s).